

30 JAN 1997

Mahathir-Teknologi

MAHIR DIRI DALAM TEKNOLOGI MULTIMEDIA AGAR TIDAK KETINGGALAN, KATA PM

ALOR SETAR, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berkata Malaysia tidak boleh mengelak daripada mengejar kemahiran dalam teknologi multimedia sekiranya ia tidak mahu tersisih daripada kemajuan dan kepesatan pembangunan sejagat.

Perdana Menteri berkata rakyat harus bersedia menghadapi tuntutan semasa dengan melengkapkan diri dengan kemahiran ilmu komputer dan teknologi multimedia agar dapat bersaing dengan masyarakat dunia.

"Kehidupan kita pasti akan dipengaruhi dengan multimedia dalam segala hal ... kalau kita tidak tahu menggunakannya kita tidak maju," katanya kepada hampir 500 anggota parti komponen Barisan Nasional Kedah yang menunggu ketibaan beliau di Balai Orang Kenamaan, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini.

Sambutan itu adalah bagi meraikan Dr Mahathir atas kejayaan beliau mempromosikan Koridor Raya Multimedia negara di Amerika Syarikat, baru-baru ini. Upacara itu disusun bersempena dengan kepulangan Perdana Menteri ke Kedah untuk berbuka puasa bersama rakyat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, dekat sini, petang ini.

Perdana Menteri berkata maklumat yang diperolehi melalui rangkaian siber multimedia akan memberikan manfaat yang banyak kepada Malaysia.

Katanya, yang diperlukan ialah kesanggupan rakyat untuk memahami teknologi itu, kemahiran menggunakan perkakasan dan perisian komputer serta kebolehan untuk menilai maklumat yang disalurkan itu.

Dr Mahathir berkata teknologi multimedia juga akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan sektor awam.

Sehubungan itu, beliau menasihati kakitangan awam supaya memahirkan diri dalam penggunaan peralatan komputer bagi meningkatkan daya pengeluaran mereka.

Selepas upacara itu, Dr Mahathir menyaksikan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyampaikan bantuan Hari Raya Aidil Fitri sumbangan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) kepada fakir miskin di kediaman mereka di Titi Gajah.

Mereka berdua mengunjungi Pekan Rabu untuk membuat tempahan kuih-muih Hari Raya. Mereka meluangkan masa kira-kira 50 minit di situ.

Dr Mahathir kemudian ke UUM untuk menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) dan UUM bagi penubuhan "Kursi BBMB" untuk tujuan pengajian dan penyelidikan bidang perbankan dan kewangan.

Upacara ringkas itu berlangsung di Bilik Senat UUM dengan turut disaksikan oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid.

Naib Canselor UUM Datuk Dr Shamsuddin Kassim menandatangani perjanjian itu bagi pihak universiti manakala BBMB diwakili Pengerusinya, Tan Sri Dr Abdul Khalid Sahan.

Dalam program itu, BBMB menaja RM2.5 juta, antara jumlah penajaan Kursi yang terbesar di sesebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia dan yang pertama dilakukan oleh bank itu.

Tajaan itu bagi membiayai aktiviti pengajian dan penyelidikan dana bidang perbankan dan kewangan yang dapat memberi manfaat kepada industri berkenaan di dalam negara.

Selepas upacara itu, Dr Mahathir menyertai masyarakat kampus dan orang ramai pada majlis berbuka puasa di Masjid UUM.

Selepas solat Maghrib dan jamuan malam, Perdana Menteri menyaksikan

upacara penyampaian dermasiswa sumbangan Bakti oleh Dr Siti Hasmah.
-- BERNAMA
MZM MFJ AHH